

AGENDA MESYUARAT

**KES 45818 : KETIADAAN TINDAKAN OLEH MPSJ KE ATAS PONDOK
PENGAWAL YANG DIBINA TANPA MENGIKUT PERATURAN DI TAMAN
PUCHONG HARTAMAS FASA 1**

TARIKH : 14 APRIL 2010

MASA : 09.00 PAGI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT BPA NEGERI SELANGOR

Agenda :

1. Perutusan Pengerusi Mesyuarat
Pengarah BPA Negeri Selangor

2. Pembentangan Aduan :
 - Huraian masalah oleh pihak pengadu
 - Maklumbalas dari pihak agensi
 - Pengemaskinian maklumat terbaru berhubung isu ini
 - Penyelesaian/Keputusan

3. Hal-hal Lain

4. Mesyuarat Ditangguhkan

KES 45818: KETIADAAN TINDAKAN OLEH MPSJ KE ATAS PONDOK PENGAWAL YANG DIBINA TANPA MENGIKUT PERATURAN DI TAMAN PUCHONG HARTAMAS FASA 1

Aduan telah dikemukakan oleh Encik Charles Winston A/L Vander Slott berhubung isu ketiadaan tindakan oleh MPSJ ke atas pondok pengawal yang dibina tanpa mengikut peraturan di Taman Puchong Hartamas Fasa 1 pada 28 April 2009. Aduan dikemukakan kepada Y. B. Senator Dato' T. Murugiah, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat telah diadakan dan pihak MPSJ telah memberikan maklumbalas seperti berikut:

- a) Sebagai langkah pendek, pihak pemaju dikehendaki mematuhi cadangan JKJR iaitu meletakkan papantanda "DILARANG MEMBELOK KE KANAN", membuat petak kuning di persimpangan masuk ke perumahan berkenaan iaitu betul-betul di hadapan pondok pengawal tersebut dan membuat garisan kuning di jalanraya sebagai 'speed breaker'. Surat arahan kepada pihak pemaju telah dikeluarkan oleh pihak Majlis pada 14 April 2009
- b) Pihak pemaju mengalihkan kedudukan pondok pengawal dan jalan masuk ke perumahan ini ke lokasi baru yang dicadangkan di satu tapak bersebelahan surau sediaada iaitu kira-kira 150 meter dari lokasi asal pondok pengawal dan jalan masuk sediaada. Pihak pemaju juga diminta menyediakan petak tempat letak kereta untuk pelawat-pelawat. Pihak pemaju diberi tempoh satu tahun bagi proses pemindahan pondok pengawal ini.

Pihak BPA Negeri Selangor melalui surat no. rujukan BPA/SEL/49/2009.04/MPSJ/45818 (3) pernah memohon kepada MPSJ untuk melihat dan menilai semula tempoh yang diberikan kepada pemaju untuk proses pemindahan pondok pengawal ini.

Satu mesyuarat susulan berkenaan kes ini telah diadakan pada 10 November 2009 di BPA Negeri Selangor berikutan pengadu tidak berpuas hati dengan tindakan yang dilaksanakan terhadap isu ini. Hasil daripada mesyuarat tersebut, pihak MPSJ telah diminta :

- a) Mengadakan mesyuarat bersama pemaju dan pihak lain yang terlibat dalam masa terdekat untuk memutuskan sama ada pondok pengawal yang sedia ada diroboh atau diubah ke lokasi lain.
- b) Sebarang perkembangan terkini atau surat yang dikeluarkan berhubung isu ini perlu dikemaskini atau disalinkan kepada pihak pengadu dan BPA.

Pihak MPSJ melalui surat bertarikh 8 Disember 2009 memaklumkan Naib Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Puchong Hartamas Fasa 1 menyatakan bahawa persatuan tersebut telah bersetuju mengambilalih pengurusan kawasan perumahan tersebut daripada pihak pemaju berkuatkuasa pada 1 November 2009 lalu, termasuk pondok

pengawal kawasan perumahan berkaitan. Persatuan penduduk juga akan memohon Lesen Menduduki Sementara (TOL) dari Pejabat Tanah dan Daerah Petaling bagi tujuan pemindahan pondok pengawal tersebut ke lokasi baru.

Mesyuarat susulan diadakan pada 14 April 2010 untuk menyelesaikan isu ini.

Disediakan oleh :

Urusetia

BPA Negeri Selangor